

SURAH AL-FIIL

Surah Gajah

Surah (105) - Makkiyah - 5 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. Tidakkah engkau lihat bagaimana Tuhan bertindak terhadap Tentara-tentara Bergajah?

(2)

2. Tidakkah Ia jadikan rancangan jahat mereka (berakhir) dengan kesesatan (kegagalan)?

(3)

3. Dan Allah telah melepaskan ke atas mereka burung-burung yang terbang berpasukan-pasukan.

(4)

4. Sambil melontar ke atas mereka batu-batu yang pejal.

(5)

5. Lalu Allah menjadikan mereka (binasa) seperti daun-daun yang dimakan ulat.

Surah ini menunjukkan kepada satu peristiwa yang amat masyhur dalam kehidupan penduduk Semenanjung Tanah Arab yang berlaku sebelum kebangkitan Rasulullah s.a.w. Peristiwa ini merupakan satu bukti yang besar

bagaimana Allah menjaga dan memelihara tempat yang suci itu, iaitu tempat yang dipilihnya sebagai pusat cahaya agama yang terakhir, sebagai tempat pertumbuhan 'aqidah yang baru dan sebagai titik-tolak agama itu memulakan pergerakan sucinya untuk memburu Jahiliyah di merata pelosok bumi dan menegakkan Hidayah, kebenaran dan kebaikan.

Kesimpulan dari berbagai-bagai riwayat yang mengisahkan peristiwa itu ialah seorang Gabenor Habsyah bagi negeri Yaman iaitu semasa negeri ini tunduk kepada pemerintahan Habsyah setelah diusir pemerintahan Farsi yang berkuasa di sana. Nama gabenor itu ialah Abrahah. Beliau telah membina sebuah gereja di Yaman atas nama Seri Maharaja Habsyah. Gereja itu dihiasi dengan segala macam hiasan dan peralatan yang amat indah dan menarik dengan tujuan untuk mengalihkan tumpuan orang-orang Arab dari Baitul Haram di Makkah ke gereja itu. Beliau melihat bagaimana penduduk negeri Yaman sendiri yang diperintah oleh beliau turut tertarik kepada Baitul Haram sama seperti kaum-kaum Arab yang lain di kawasan tengah dan utara Semenanjung Arab itu. Beliau telah menulis surat kepada Seri Maharaja Habsyah menerangkan niat dan tujuannya itu.

Kaum-kaum Arab tidak berganjak dari rumah suci mereka. Mereka beranggapan bahawa mereka adalah dari zuriat Ibrahim dan Ismail yang membina rumah suci itu. Inilah alasan kebanggaan mereka mengikut cara mereka yang suka berbangga-bangga dengan keturunan. Pada hemat mereka, kepercayaan-kepercayaan keagamaan yang ada pada mereka, walaupun dalam keadaan keruntuhan adalah lebih baik dari kepercayaan-kepercayaan keagamaan kaum Ahlil Kitab yang ada di sekeliling mereka. Mereka melihat kepercayaan-kepercayaan kaum Ahlil Kitab juga dilanda kucar-kacir dan keruntuhan.

Ketika inilah Abrahah membuat keputusan tegas untuk meruntuhkan Ka'abah supaya orang-orang Arab tidak lagi tertumpu kepadanya. Beliau telah memimpin satu angkatan tentera yang ramai yang disertai dengan gajah-gajah. Angkatan itu didahului oleh seekor gajah yang terkenal di sisi mereka, kemudian berita angkatan ini dan tujuannya telah didengar oleh kaum-kaum Arab dan mereka merasa sedih atas tujuan Abrahah yang mahu meruntuhkan rumah Ka'abah mereka. Kerana itu tampillah seorang pembesar dari kaum bangsawan dan raja-raja Yaman menentang angkatan Abrahah. Nama pembesar itu ialah Zu Nafar. Ia telah menyeru kaumnya kaum-kaum Arab yang lain supaya bangkit memerangi Abrahah untuk mempertahankan rumah Ka'abah. Seruannya telah mendapat sambutan mereka. Lalu ia pun memerangi Abrahah, tetapi ia kalah dan jadi tawanan Abrahah.

Nufayl ibn Habib al-Khath'ami juga tampil memimpin dua qabilah Arab bersama dengan kaum Arab yang ramai untuk menentang angkatan Abrahah tetapi Abrahah telah berjaya mengalahkan mereka dan menawan Nufayl. Pada akhirnya Nufayl bersetuju untuk menjadi pemandu jalan Abrahah dalam perjalanannya ke negeri Arab itu. Apabila angkatan Abrahah lalu di Ta'if beberapa orang dari suku Thaqif datang menemui Abrahah dan berkata kepadanya bahawa rumah suci yang dimaksudkannya itu bukan

terletak di tempat mereka, tetapi di negeri Makkah. Tujuan mereka berkata begitu ialah supaya Abrahah tidak mengganggu rumah suci mereka yang dibina untuk berhala al-Lata. Mereka juga telah menghantar seorang pemandu bersama Abrahah untuk menunjukkan rumah Ka'abah.

Setelah tiba di Mughammis yang terletak di antara Ta'if dan Makkah, Abrahah menghantar salah seorang panglimanya hingga ke Makkah. Panglima itu telah merampas dan membawa balik kepada beliau binatang-binatang ternakan kaum Quraysh dan lain-lainnya yang ada di Tihamah termasuk dua ratus ekor unta kepunyaan Abdul Muttalib ibn Hashim. Beliau pada masa itu ialah pembesar dan ketua kaum Quraysh. Oleh kerana itu suku-suku Quraysh, Kinanah dan Huzayl dan penduduk-penduduk di tanah Haram telah berazam untuk melawan angkatan Abrahah, tetapi kemudian mereka membatalkan cadangan itu setelah sedar bahawa mereka tidak berupaya untuk melawan angkatan Abrahah. Kemudian Abrahah menghantar utusannya ke Makkah untuk menemui ketua negeri itu dan menyampaikan perutusan bahawa kedatangan angkatan Gabenor Abrahah bukan untuk memerangi penduduk negeri Makkah, tetapi hanya untuk merobohkan rumah Ka'abah sahaja. Andainya mereka tidak menentang, maka ia tidak lagi perlu menumpahkan darah mereka dan andainya ketua negeri Makkah itu tidak mahu berperang, maka hendaklah ia dibawa mengadap Gabenor.

Apabila utusan Abrahah menerangkan tujuan kedatangannya kepada Abdul Muttalib ia pun berkata:

"Demi Allah, kami tidak mahu memerangnya, kami tidak punya kekuatan untuk berperang. Ka'abah ini ialah rumah Allah dan rumah kekasih-Nya Ibrahim a.s. Oleh itu jika Allah mempertahankan rumah ini, maka itu memang rumah-Nya dan tanah haram-Nya, dan jika Allah membiarkannya untuk diroboh Abrahah, maka kami tidak punya kekuatan untuk mempertahankannya."

Lalu utusan itu keluar bersama Abdul Muttalib untuk menemui Abrahah. Kata Ibn Ishak: Abdul Muttalib itu adalah seorang yang sangat tampan, cantik dan hebat. Oleh itu sebaik sahaja Abrahah melihatnya, ia terus menyambutnya dengan penuh hormat, tetapi oleh kerana beliau tidak suka dilihat oleh orang-orang Habsyah ia duduk bersama Abdul Muttalib di atas singgahsananya maka beliau turun dari singgahsananya lalu duduk di atas hamparan dan mempersilakan Abdul Muttalib duduk di sampingnya, kemudian beliau berkata kepada jurubahasanya:

"Awak tanya dia apakah maksud kedatangannya?"

Jawab Abdul Muttalib:

"Maksud kedatangan saya ialah untuk meminta tuan Gabenor memulangkan kembali dua ratus ekor unta yang telah dirampas olehnya."

Apabila jurubahasa itu menyampaikan jawapan Abdul Muttalib kepada beliau, beliau pun berkata kepada jurubahasanya:

"Katakan kepadanya: Beta mulanya amat memandangi tinggi kepada awak apabila beta melihat awak, kemudian sekarang beta memandangi rendah kepada awak apabila awak menyatakan maksud kedatangan awak untuk mengadap beta. Adakah wajar awak datang mengadap beta kerana hendak berunding dengan beta untuk meminta balik dua ratus ekor unta kepunyaan awak yang dirampas oleh beta itu dan awak

langsung tidak mahu berunding dengan beta tentang nasib rumah Ka'abah yang menjadi pegangan agama awak dan agama nenek-moyang awak, sedangkan maksud kedatangan beta ialah untuk merobohkannya?"

Jawab Abdul Muttalib:

"Saya ini hanya tuan punya unta-unta itu sahaja, sedangkan rumah Ka'abah ini ada tuan punyanya yang akan mempertahankannya."

Sampuk Abrahah:

"Ia tidak akan dapat menahani beta."

Jawab Abdul Muttalib:

"Tuan bebas berbuat apa yang tuan suka."

Lalu Abrahah pun memulangkan kembali unta-untanya.

Abdul Muttalib pulang mendapatkan kaum Quraysh, dan menceritakan kepada mereka apa yang telah berlaku. Ia menyuruh mereka keluar meninggalkan kota Makkah dan berlindung di celah-celah bukit, kemudian beliau menuju ke Ka'abah dan memegang gelang pintunya, beliau berdiri bersama sekumpulan orang Quraysh berdoa kepada Allah dan memohon pertolongan-Nya. Ada riwayat menceritakan bahawa Abdul Muttalib telah berseloka: Tuhanku hamba-Mu tiada kuasa Kecuali mempertahankan rumahnya Kerana itu, pertahankanlah rumah-Mu Salib dan kekuatan mereka Tidak akan dapat mengalahkan-Mu Andainya Engkau hendak membiarkan mereka Meruntuhkan qiblat kami Maka urusan itu terserah kepada-Mu.

Abrahah berlepas dengan bala tenteranya serta gajahnya menuju ke Makkah untuk meruntuhkan Ka'abah, tiba-tiba gajah itu terterum sebelum sampai ke Makkah dan tidak mahu masuk ke Makkah. Askar-askar Abrahah cuba memaksa gajah itu supaya bangkit merempuh ke Makkah, tetapi usaha mereka gagal. Peristiwa ini memang benar berlaku mengikut pengakuan Rasulullah s.a.w sendiri pada hari Hdaybiyah ketika untanya yang bernama Qaswa' terterum sebelum sampai ke Makkah. Sahabat-sahabat berkata: "Qaswa' dah tak larat berjalan." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Bukan Qaswa' tak larat berjalan, bukan itu tabi'atnya, tetapi ia ditahan oleh Tuhan yang menahan gajah (tentera Abrahah).

(Hadits al-Bukhari)

Tersebut di dalam Sohih al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda pada hari kemenangan menakluk Makkah "Allah telah menahan gajah (tentera Abrahah) dari melanggar Makkah dan Allah juga yang membolehkan Rasul-Nya dan orang mu'min menguasai negeri Makkah. Pada hari ini kehormatan Makkah telah pulih kembali seperti kehormatannya pada zaman dahulu. Oleh itu setiap yang hadir hendaklah menyampaikan kepada yang tidak hadir." Oleh itu jelaslah bahawa peristiwa gajah ditahan dari merempuh negeri Makkah pada tahun gajah itu adalah suatu peristiwa yang benar. Tepat dengan iradat-Nya hendak membinasakan bala tentera itu bersama pemimpinnya Abrahah, Allah telah melepaskan pasukan-pasukan burung yang melontar ke atas mereka anak-anak batu yang membinasakan mereka seperti daun-daun kering yang reput sebagaimana diceritakan oleh al-Qur'an.

Tubuh Abrahah sendiri telah menjadi sasaran anak-anak batu itu dan dia menderita parah. Kerana itu ia telah dibawa keluar dari Makkah bersama-sama tenteranya, sedangkan jari-jemarinya gugur sebatang demi sebatang sehingga sampai ke San'aa ibu kota Yaman. Beliau tidak mati sehingga dadanya berlubang menampakkan jantungnya.

Di sini terdapat berbagai-bagai riwayat dalam menentukan jenis kumpulan burung-burung itu dan rupa bentuknya, juga tentang ukuran besar kecil dan bentuk rupa anak-anak batu itu. Begitu juga di sana ada riwayat yang menyatakan bahawa wabak cacar telah berlaku dalam tahun serangan Abrahah. Bagi ulama'-ulama' yang cenderung menyempitkan ruang peristiwa-peristiwa yang mencarikkan adat atau cenderung melihat undang-undang 'alam itu berlaku dalam bentuknya yang biasa sahaja, mereka berpendapat bahawa pentafsiran peristiwa burung itu dengan kejadian wabak cacar adalah lebih dekat dan lebih baik. Burung-burung yang dimaksudkan itu ialah lalat-lalat yang membawa kuman-kuman cacar, kerana erti perkataan tayr ialah setiap benda yang terbang.

Ujar al-Ustaz al-Imam asy-Syeikh Muhammad 'Abduh dalam tafsirnya bagi surah ini dalam Juzu' 'Ammah. "Pada hari yang kedua wabak cacar itu merebak dalam kalangan tentera Abrahah, menurut 'Ikrimah, itulah kejadian wabak cacar yang pertama di negeri Arab pada tahun itu. Kata Ya'qub ibn 'Utbah mengenal peristiwa itu: 'Kejadian wabak cacar adalah dilihat pertama kali pada tahun itu. Wabak itu telah memamah tubuh mereka dengan dahsyat dan jarang berlaku seperti itu. Daging-daging mereka merelai dan gugur menyebabkan Abrahah dan tenteranya takut dan terpaksa lari. Abrahah sendiri telah ditimpa wabak dan daging tubuhnya terus gugur secebis demi secebis, dan jari-jemarinya jatuh sebatang demi sebatang sehingga dadanya berlubang dan akhirnya mati di San'aa. "Inilah cerita yang mencapai kata sepakat dari berbagai-bagai riwayat itu dan sah kita berpegang dengannya.

Menurut keterangan surah yang mulia ini, wabak cacar itu telah berlaku dengan sebab anak-anak batu yang digugurkan ke atas tentera-tentera Abrahah oleh pasukan-pasukan burung dihantar oleh Allah bersama angin. "Oleh itu harus bagi anda mempercayai bahawa burung yang dimaksud itu adalah dari jenis nyamuk atau lalat yang membawa kuman setengah-setengah penyakit dan anak-anak batu yang dimaksudkan itu adalah dari tanah-tanah kering beracun yang dibawa angin dan melekat pada kaki binatang-binatang itu. Apabila tanah itu mengenai badan ia akan masuk ke dalam lubang-lubang kulit dan menimbulkan kudis-kudis yang akhirnya badan menjadi buruk dan daging-dagingnya gugur. Banyak binatang terbang yang lemah itu merupakan bala tentera Allah yang paling kuat dalam membinasakan manusia yang mahu dibinasakan Allah. Dan binatang yang seni ini yang sekarang dipanggil kuman adalah termasuk dari kumpulan binatang itu. Kuman-kuman itu juga berkelompok-kelompok dan berpasukan-pasukan yang begitu banyak. Hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui jumlah bilangannya. Kekuatan kudrat Allah untuk membinasakan orang-orang yang zalim tidak semestinya bergantung kepada burung-burung

yang sebesar kepala bukit atau burung-burung yang sebesar geruda atau burung-burung yang mempunyai warna-warna yang tertentu atau bergantung kepada jenis ukuran batu yang tertentu. Segala-galanya boleh menjadi tentera Allah. Setiap kejadian menampilkan buktinya Tuhan Khaliq yang Maha Esa "Tiada kekuatan 'alam buana ini melainkan semuanya tunduk kepada kekuatan Allah.

Pemerintah Abrahah yang zalim yang mahu meruntuhkan rumah Ka'abah itu telah dibinasakan Allah bersama tenteranya dengan angkatan burung yang membawa wabak cacar sebelum mereka sempat memasuki negeri Makkah. Ini adalah satu ni'mat yang dilimpahkan Allah ke atas penduduk Tanah Haram - walaupun mereka menyembah berhala - untuk memelihara rumah Ka'abah sehingga Ia bangkitkan Rasul-Nya s.a.w yang akan memelihara rumah itu dengan kekuatan agama-Nya.

Ia juga merupakan satu gambaran kemurkaan Allah terhadap Tentera-tentera Bergajah yang mahu menyerang Ka'abah tanpa suatu kesalahan. "

Inilah riwayat yang boleh diperpegangi dalam mentafsirkan surah ini. Lain-lain riwayat tidak dapat diterima melainkan dengan ta'wilan jika riwayat-riwayat itu sohih. Kebesaran kekuasaan Allah semakin bertambah besar bagi orang-orang yang memandang besar kepada gajah, iaitu binatang berkaki empat yang mempunyai tubuh-badan yang paling besar ini dapat dibinasakan dengan kuman yang kecil, yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tentulah ini lebih besar, lebih aneh dan lebih mengkagumkan di sisi orang-orang yang berakal."

Bagi kami gambaran wabak cacar yang terjadi dari tanah berkuman yang dikemukakan oleh al-Ustaz al-Imam Muhammad 'Abduh atau keterangan riwayat-riwayat yang mengatakan bahawa batu-batu yang dilontarkan itu sendiri dapat menembuskan tubuh-badan dan menjadikannya seperti daun-daun kayu yang kering tidaklah lebih menunjukkan kudrat Allah, dan tidak pula lebih baik untuk mentafsirkan peristiwa ini. Pada pandangan kami kedua-dua pentafsiran itu adalah sama sahaja dari segi kemungkinan berlaku dan dari segi menunjukkan kudrat Allah, kerana bagi kami sama sahaja sama ada Allah binasakan angkatan Abrahah dengan undang-undang-Nya yang biasa yang diketahui manusia atau dengan undang-undang-Nya yang luar biasa yang tidak diketahui mereka. Undang-undang Allah tidak hanya terbatas pada undang-undang biasa yang diketahui manusia. Dan undang-undang Allah yang diketahui manusia hanya sebahagian yang kecil sahaja. Allah dedahkan rahsia undang-undang sekadar yang mampu dicapai oleh daya usaha akal fikiran dan ujian-ujian mereka dalam masa yang lama.

Undang-undang yang luar biasa atau mencarikkan adat juga merupakan undang-undang Allah, tetapi ia disifatkan luar biasa kerana dibandingkan dengan undang-undang biasa yang diketahui mereka. Kerana itu apabila kami berdepan dengan peristiwa luar biasa kami tidak merasa merasa ragu-ragu lagi terhadapnya atau cuba menta'wilkan peristiwa itu asalkan sahaja riwayatnya sah dan betul. Serentak itu juga kami tidak melihat peristiwa yang berlaku dengan undang-undang biasa itu sebagai kurang

berkesan atau kurang berma'na dari peristiwa yang berlaku dengan undang-undang luar biasa, kerana undang-undang biasa itu pada hakikatnya luar biasa jika diukurkan dengan kudrat kuasa manusia. Proses naik dan terbenamnya matahari merupakan satu kejadian luar biasa, tetapi manusia telah biasa dengannya setiap hari. Begitu juga kejadian kelahiran anak merupakan satu kejadian yang luar biasa, tetapi ia berlaku setiap saat. Jika tidak, siapa suka cubalah uji sendiri.

Tindakan Allah menghantar burung-burung walaupun apa sahaja jenisnya membawa batu-batu yang mengandungi kuman-kuman cacar dan mengakibatkan berlakunya wabak cacar dalam kalangan tentera Abrahah yang sedang mara untuk meruntuhkan Ka'abah merupakan satu peristiwa luar biasa yang benar-benar menunjukkan kekuasaan Allah. Ia tidak kurang hebatnya jika Allah menghantar burung-burung khusus membawa batu-batu khusus yang membinasakan tubuh badan bala tentera itu. Kedua-duanya sama-sama luar biasa belaka.

Tetapi dalam peristiwa ini khususnya, kami lebih cenderung kepada tafsiran bahawa ia adalah berlaku menurut undang-undang Allah yang luar biasa iaitu Allah telah menghantar pasukan-pasukan burung yang luar biasa membawa batu-batu yang luar biasa dan mengakibatkan penyakit yang luar biasa, walaupun kita tidak semestinya menerima riwayat-riwayat yang menerangkan rupa bentuk dan besar kecilnya burung-burung dan batu-batu dengan sifat-sifat yang mengharukan itu, kerana kejadian-kejadian yang seumpama itu menunjukkan ada-ada sahaja ditokok tambah dengan unsur-unsur keterlaluan. Kami lebih cenderung kepada tafsiran ini bukan kerana ia membawa ma'na dan hakikat yang lebih besar, tetapi kerana suasana surah dan latar belakang peristiwa ini menjadikan tafsiran ini lebih dekat. Allah S.W.T. mahukan rumah Ka'abah ini memainkan peranan yang besar. Allah mahu memelihara Ka'abah supaya menjadi pusat perhimpunan manusia yang aman dan supaya menjadi tempat pertumbuhan kumpulan yang memperjuangkan 'aqidah yang baru agar dari sinilah 'aqidah itu bergerak bebas, di sebuah negeri yang bebas yang tidak dikuasai oleh kuasa luar dan tidak pula dikuasai oleh sebuah kerajaan yang kuat yang dapat membendung da'wah dari tempat pertumbuhannya lagi. Allah jadikan peristiwa ini satu pengajaran yang terdedah kepada semua pandangan manusia dari semua generasi sehingga Ia membangkit-bangkitkannya sebagai ni'mat istimewa kepada kaum Quraysh dalam surah ini setelah Nabi s.a.w. diutus menjadi Rasul.

Allah menjadikan peristiwa itu sebagai satu contoh bagaimana Ia menjaga dan memelihara tempat-tempat-Nya yang suci. Oleh itu amatlah sesuai dengan latar belakang seperti ini bahawa peristiwa itu berlaku dalam bentuk yang luar biasa dan belum pernah diketahui manusia. Tidak ada satu alasan yang diperlukan untuk menjadikan peristiwa ini sebagai peristiwa biasa, kerana peristiwa ini sendiri dengan segala latar belakangnya merupakan satu peristiwa yang unik, lebih-lebih lagi kejadian biasa wabak cacar itu tidak sesuai dengan riwayat-riwayat yang menceritakan kesan-kesan penyakit yang menimpa angkatan tentera Abrahah, kerana penyakit cacar

tidak menggugurkan daging-daging tubuh secebis demi secebis dan jari-jemari sebatang demi sebatang dan tidak membelahkan dada sehingga menampakkan jantung, sedangkan inilah gambaran secara langsung dari nas al-Qur'an.

(5)

5. Lalu Allah menjadikan mereka (binasa) seperti daun-daun yang dimakan ulat.

Riwayat 'Ikrimah dan keterangan Ya'qub ibn 'Utbah tidak merupakan nas bahawa tentera Abrahah telah ditimpa wabak cacar, ia tidak lebih dari menyatakan bahawa wabak cacar telah berlaku di Semenanjung Arab bagi pertama kalinya pada tahun itu, tidak ada dalam keterangan mereka berdua bahawa Abrahah dan bala tenteranya sahaja yang terkena wabak itu. Di samping itu keadaan penyakit yang menimpa tentera Abrahah yang sebegini dahsyat tanpa terlibat sama penduduk Arab yang berdekatan dengan tempat itu pada masa itu merupakan satu perkara yang luar biasa jika pasukan burung-burung itu hanya melontarkan batu-batu itu ke atas tentera Abrahah sahaja. Oleh itu selama peristiwa ini sendiri merupakan satu perkara yang luar biasa, maka apa perlunya berpenat-penat untuk menentukannya dengan gambaran wabak cacar semata-mata dengan alasan kerana gambaran ini merupakan gambaran lumrah dan biasa pada tanggapan manusia, sedangkan berlakunya peristiwa itu dalam bentuk yang luar biasa adalah lebih sesuai dan munasabah dengan seluruh suasana peristiwa ini.

Kami memang mengerti dan menghargai motif-motif sekolah Pemikiran 'Aqliyah yang dikepalai oleh al-Ustaz al-Imam Rahimahullah pada masa itu. Kami memang mengerti motif-motifnya yang mahu menyempitkan bidang peristiwa-peristiwa luar biasa atau peristiwa-peristiwa ghaib dalam mentafsir al-Quran'nul Karim dan kejadian-kejadian sejarah serta berusaha mengembalikan peristiwa-peristiwa ghaib itu kepada peraturan-peraturan 'alam yang lumrah dan biasa sahaja.

Sekolah Pemikiran 'Aqliyah telah menghadapi kecenderungan kepada perkara-perkara khurafat yang mempengaruhi pemikiran orang ramai itu di samping menghadapi banjir dongeng-dongeng cerita-cerita Isra'iliyah yang termuat di dalam kitab-kitab tafsir dan riwayat, sedangkan pada masa itu kemajuan sains yang mengkagumkan manusia sampai kemuncaknya dan gelombang keraguan terhadap pentafsiran-pentafsiran agama juga telah memuncak tinggi, kerana inilah sekolah Pemikiran 'Aqliyah tampil berdiri dan berjuang untuk mengembalikan kehormatan agama dengan berlandaskan bahawa segala apa yang diterangkan oleh agama adalah sesuai dengan pemikiran akal belaka.

Dari sinilah sekolah Pemikiran 'Aqliyah berusaha membersihkan agama dari khurafat-khurafat dan dongeng-dongeng di samping berusaha mewujudkan pemikiran 'aqliyah agama yang memahami undang-undang

'alam sebagai undang-undang yang tetap dan teratur rapi dan memulangkan seluruh harakat manusia dan harakat 'alam kepada undang-undang itu.

Pemikiran seperti ini pada dasarnya merupakan pemikiran 'aqliyah al-Qur'an, kerana al-Qur'an memulangkan manusia kepada peraturan-peraturan 'alam yang diciptakan Allah selaku undang-undang yang tetap dan teratur rapi bagi seluruh harakat dan gejala 'alam. Tetapi usaha menghadapi tekanan khurafat dari satu segi dan tekanan kemajuan sains di satu segi yang lain itu telah meninggalkan kesan-kesan keterlaluan dalam sekolah Pemikiran 'Aqliyah, iaitu keterlaluan ihtiat (hemat) dan kecenderungan menjadikan undang-undang 'alam yang biasa sebagai kaedah semesta bagi peraturan Allah kerana itu dalam tafsir al-Ustaz al-Sheik Muhammad 'Abduh dan tafsir dua orang muridnya al-Ustaz al-Sheikh Rashid Rida dan al-Ustaz Abdul Qadir al-Maghribi terdapat kecenderungan yang jelas mentafsirkan banyak perkara yang luar biasa dengan undang-undang Allah yang biasa dan menta'wilkan setengah-setengahnya dengan ta'wilan-ta'wilannya yang dikira sesuai dan masuk akal, di samping terdapat kecenderungan terlalu hati-hati dan hemat dalam menerima cerita-cerita ghaib.

Di samping pengertian dan penghargaan kami terhadap faktor-faktor 'alam sekitar yang melahirkan aliran pemikiran 'aqliyah ini kami dapati ada keterlaluan dan pengabaian terhadap satu aspek yang lain dari pandangan al-Qur'an yang sempurna, iaitu ia melupakan aspek kebebasan iradat dan kudrat Allah di sebalik peraturan-peraturan 'alam yang dipilih olehnya sama ada peraturan-peraturan biasa atau peraturan-peraturan luar biasa. Kebebasan seperti ini menolak akal untuk menjadi hakim yang memberi keputusan terakhir dan menolak apa yang difikir oleh akal sebagai asas segala pentafsiran, dengan erti sesuatu peristiwa yang tidak sesuai dengan akal pastilah dita'wilkan sebagaimana yang ditegaskan berulang-ulang kali dalam tafsir tokoh-tokoh sekolah ini.

Di samping itu pula, undang-undang Allah yang biasa itu bukanlah merupakan keseluruhan undang-undang Allah, malah ia hanya merupakan sebahagian yang kecil sahaja yang tidak cukup untuk mentafsirkan segala undang-undang yang berlaku di 'alam ini. Kedua-dua undang-undang Allah yang biasa dan yang luar biasa sama-sama menjadi bukti yang menunjukkan kebesaran kudrat Allah dan kehalusan perencanaan-Nya. Semuanya ini di samping berhemat terhadap khurafat dan menolak dongeng dengan cara yang cukup sederhana adalah tidak terpengaruh dengan saranan 'alam sekitar yang khusus, juga tidak terpengaruh dalam menghadapi tradisi pemikiran yang lumrah pada mana-mana zaman.

Ada satu kaedah yang terjamin selamat dalam mentafsirkan nas-nas al-Qur'an iaitu kita tidak harus menghadapi nas-nas al-Qur'an dengan ketetapan-ketetapan 'aqliyah yang terdahulu atau ketetapan-ketetapan yang telah diterima umum atau ketetapan-ketetapan yang wujud di dalam sesuatu persoalan yang dikemukakan oleh al-Qur'an, malah kita harus menghadapi nas-nas itu sebagai sumber untuk membentuk ketetapan-ketetapan kita iaitu membentuk ketetapan-ketetapan kita yang berhubung dengan hal-hal

keimanan kita dan membentuk kaedah-kaedah logik dan semua pemikiran kita.

Andainya nas-nas itu menetapkan sesuatu, maka itulah yang seharusnya merupakan ketetapan bagi kita, kerana pemikiran akal yang kita mahu berhakimkannya dalam memahami ketetapan al-Qur'an mengenai peristiwa-peristiwa 'alam, sejarah manusia dan perkara-perkara ghaib adalah hasil pemikiran yang dikeluarkan oleh realiti kehidupan dan pengalaman manusia yang terbatas. Walaupun akal itu sendiri mempunyai kekuatan mutlak yang tidak terikat dengan butir-butir ujian dan kejadian yang tertentu, malah ia mengatasinya dan meningkat kepada pengertian-pengertian niskala di sebaliknya, namun pada penghabisannya ia tetap terbatas pada batas-batas kewujudan kita sebagai manusia, sedangkan kewujudan kita bukanlah suatu kewujudan yang mutlak seperti kewujudan Allah.

Oleh kerana al-Qur'an itu terbit dari Allah yang bersifat mutlak, maka al-Qur'an itulah yang berhak menentukan ketetapan kepada kita dan segala ketetapan al-Qur'an harus merupakan sumber untuk membentuk ketetapan-ketetapan 'aqliyah kita itu sendiri. Berdasarkan hakikat ini, tidak wajar dikatakan "bahawa keterangan sesuatu nas al-Qur'an itu bercanggah dengan akal, kerana itu ia perlu dita'wilkan sebagaimana sering berlaku dalam ketetapan-ketetapan yang dilakukan tokoh-tokoh aliran 'aqliyah ini. Tetapi ini bukanlah bererti kita harus berserah bulat kepada khurafat-khurafat, bahkan maksudnya ialah akal kita bukanlah satu-satunya pemutus dalam mentafsirkan ketetapan al-Qur'an. Selama pengertian dari pengucapan atau pengungkapan al-Qur'an itu jelas dan terang, maka pengertian itulah yang menentukan bagaimana akal kita harus menerimanya dan bagaimana kita harus membentuk dari pengertian itu asas-asas pemikiran dan logik akal kita terhadap mana-mana maksud al-Qur'an dan terhadap hakikat-hakikat 'alam seluruhnya.

(1)

1. Tidakkah engkau lihat bagaimana Tuhan bertindak terhadap Tentera-tentera Bergajah?

Ia merupakan satu pertanyaan dengan tujuan menimbulkan rasa kagum terhadap peristiwa yang amat besar itu. Peristiwa itu begitu terkenal dan masyhur di sisi umat Arab hingga mereka jadikannya sebagai tahun permulaan sejarah. Mereka berkata:

"Kejadian itu berlaku pada Tahun Gajah dan kejadian ini berlaku dua tahun sebelum Tahun Gajah atau berlaku sepuluh tahun selepas Tahun Gajah."

Pendapat yang masyhur, Rasulullah s.a.w. dilahirkan pada Tahun Gajah itu sendiri dan ini mungkin merupakan satu dari penyesuaian-penyesuaian Ilahiyah yang indah, yang memang dirancang.

Di sini jelaslah bahawa tujuan surah ini bukanlah untuk menceritakan kisah yang tidak diketahui oleh orang-orang Arab, malah untuk mengingatkan mereka dengan kisah yang diketahui mereka untuk maksud di

sebaliknya. Kemudian selepas ayat pertama Ia menyambung cerita itu dalam bentuk pertanyaan yang sama yang membawa erti penjelasan (istifham taqiriri).

(2)

2. Tidakkah Ia jadikan rancangan jahat mereka (berakhir) dengan kesesatan (kegagalan)?

Tidakkah rancangan jahat mereka sesat (gagal) dan tidak sampai matlamatnya sama seperti orang kesesatan jalan dan tidak sampai kepada tempat yang ditujunya. Mungkin dengan pertanyaan ini Allah mahu mengingatkan kaum Quraysh terhadap ni'mat-Nya kepada mereka, iaitu ni'mat menjaga dan memelihara rumah Ka'abah semasa mereka tidak berdaya untuk menghadapi serangan Tentera Bergajah yang kuat itu. Semoga dengan peringatan itu mereka merasa malu kerana perbuatan mereka mengingkari Allah yang telah menolong mereka pada saat kelemahan mereka, dan semoga mereka mengurangkan rasa keangkuhan dengan kekuatan mereka dalam menghadapi Nabi Muhammad s.a.w. dan segelintir pengikut-pengikut yang beriman kepadanya, kerana Allah telah pun menghancurkan tentera-tentera yang kuat yang mahu mencerothkan rumah suci-Nya dan Ia berkuasa pula untuk menghancurkan orang-orang yang kuat yang sedang menentang Rasul-Nya dan da'wah-Nya. Dalam ayat yang berikut Ia menjelaskan bagaimana Ia menggagalkan rancangan jahat mereka dalam satu pemerian yang amat indah dan menarik.

(3)

3. Dan Allah telah melepaskan ke atas mereka burung-burung yang terbang berpasukan-pasukan.

(4)

4. Sambil melontar ke atas mereka batu-batu yang pejal.

(5)

5 Lalu Allah menjadikan mereka (binasa) seperti daun-daun yang dimakan ulat.

Kata-kata "Ababil" bererti kumpulan-kumpulan atau pasukan-pasukan dan kata-kata "sijil" berasal dari kata-kata Farsi yang tersusun dari dua kalimah yang bererti "batu dan tanah" iaitu batu yang berpalt dengan tanah.

(5)

5. "Seperti daun-daun yang dimakan ulat".

Kata-kata "Asf" bererti daun kayu yang kering dan maksud dari daun yang dimakan ulat ialah kehancurannya kerana dimakan dan dicaing ulat atau ketika dimakan dan dikunyah binatang. Ini adalah satu gambaran fizikal pecah-belah tubuh-badan akibat terkena batu-batu yang dilontar oleh pasukan-pasukan burung. Ini tidak perlu ditakwilkan dengan gambaran bahawa mereka dibinasakan dengan penyakit cacar.

Tujuan dan teladan yang dapat diambil dari peringatan Allah terhadap peristiwa ini memang banyak:

Pertama ia menyarankan bahawa Allah S.W.T. tidak mahu menyerahkan urusan memelihara rumah suci-Nya kepada kaum Musyrikin Arab walaupun mereka memang berbangga dengan rumah itu juga menjaganya dan berlindung padanya. Apabila Allah mahu menjaga dan mengisytiharkan naungan dan pengawasan-Nya terhadap rumah itu Ia membiarkan kaum Musyrikin kalah di hadapan kekuatan bala tentera yang menyerang dan kudrat kuasaNya terus campur tangan secara terang-terangan mempertahankan keselamatan rumah suci itu supaya orang-orang Musyrikin tidak mempunyai sebarang jasa mempertahankan rumah itu dengan semangat Jahiliyah mereka.

Latar belakang ini amat kuat menyokong bahawa urusan untuk membinasa tentera-tentera penceroboh diatur mengikut undang-undang yang luar biasa bukanlah mengikut undang-undang biasa, kerana cara inilah yang lebih munasabah. Sepatutnya campurtangan kudrat Allah yang terusterang itu dibalas segera oleh kaum Quraysh dan kaum-kaum Arab yang lain dengan menganut agama Allah yang telah dibawa oleh Rasulullah s.a.w., dan tidak sepatutnya kebanggaan dan penjagaan mereka terhadap rumah suci dan berhala-berhala mereka yang mereka dirikan di sekelilingnya itu menjadi halangan kepada mereka untuk memeluk Islam.

Peringatan Allah dengan peristiwa itu dengan cara begini merupakan sebahagian dari kecaman terhadap mereka dan merupakan satu pernyataan hairan dan aneh terhadap sikap mereka yang degil itu.

Peristiwa itu juga menyarankan bahawa Allah tidak memberi kesempatan kepada Ahlil Kitab iaitu Abrahah dan bala tenteranya untuk merobohkan Baitullahil Haram dan menguasai Tanah Suci itu walaupun dicemari oleh kepercayaan syirik dan walaupun orang-orang Musyrikin sendiri menjadi penjaganya supaya rumah suci itu kekal bebas dari segala kekuasaan pemerintah-pemerintah dan kekal selamat dari rancangan-rancangan jahat, juga supaya kebebasan Tanah Suci itu kekal terpelihara agar agama yang baru itu dapat tumbuh dengan bebas tanpa dikongkong oleh sebarang kuasa dan tanpa dikuasai oleh mana-mana pemerintah yang zalim dan agar agama ini yang datang untuk menaungi semua agama dan kepimpinan seluruh manusia tidak dinaungi dan dipimpin oleh yang lain.

Inilah perancangan Allah terhadap rumah suci-Nya dan terhadap agama-Nya sebelum ada seseorang manusia pun yang tahu bahawa Nabi yang akan membawa agama baru itu telah dilahirkan pada tahun ini.

Kita merasa gembira dan tenteram dengan saranan surah ini terhadap cita-cita tamak-haloba Gerakan Salibiyah Antarabangsa dan Gerakan Zionisme Antarabangsa yang berlegar di sekeliling tempat-tempat suci Islam. Gerakan-gerakan itu tidak berhenti-henti merancang secara sulit untuk melaksanakan tamak-haloba mereka yang jahat itu. Allah 'Azzawajalla yang telah memelihara rumah suci-Nya dari percerobohan (Abrahah) Ahlil Kitab itu akan terus menjaga dan memeliharanya, juga memelihara negeri Rasul dari segala rancangan-rancangan yang jahat itu.

Saranan yang ketiga dari surah ini ialah bangsa Arab tidak pernah memainkan peranan penting di dunia, malah tidak mempunyai identiti sebelum Islam. Di Yaman mereka merengkok di bawah penjajahan Farsi atau Habsyah. Kerajaan Arab yang berdiri di sana kadang-kadang berada di bawah naungan Farsi. Di Utara, negeri Syam berada di bawah penjajahan Rom baik secara langsung mahupun secara penubuhan sebuah kerajaan Arab di bawah naungan kerajaan Rom. Tiada wilayah yang terselamat dari penjajahan asing melainkan wilayah tengah Semenanjung Arab, tetapi wilayah itu berada dalam keadaan hidup padang pasir dan berpecah-belah dan tidak dapat membentuk satu kekuatan yang haqiqi dalam percaturan kuasa dunia.

Peperangan antara qabilah berlaku selama empat puluh tahun, tetapi qabilah-qabilah itu baik secara berasing mahupun secara terkumpul tidak pernah mempunyai kekuatan yang disegani oleh negeri-negeri jiran yang kuat. Apa yang telah berlaku dalam Tahun Gajah itu merupakan ukuran kekuatan qabilah-qabilah itu apabila terdedah kepada serangan asing. Hanya di bawah panji-panji Islam sahaja bangsa Arab bagi pertama kalinya dalam sejarah memainkan peranan antarabangsa dan mempunyai kekuatan kerajaan yang digeruni, iaitu kekuatan yang menyapu kerajaan-kerajaan, menghancurkan singgahsana-singgahsana dan memimpin umat manusia setelah dihapuskan pemimpin-pemimpin Jahiliyah yang sesat. Tetapi faktor yang menyediakan kebangkitan bangsa Arab bagi kali pertama dalam sejarah mereka ialah kerana mereka lupakan diri mereka sebagai bangsa Arab, mereka lupakan semangat kebangsaan dan perkauman mereka. Yang mereka ingat hanya mereka adalah orang-orang Islam sahaja dan panji yang dikibarkan mereka hanya panji-panji Islam sahaja. Mereka membawa satu 'aqidah raksasa yang kuat kepada manusia sebagai rahmat dan kebajikan untuk mereka. Mereka tidak membawa gagasan kebangsaan dan perkauman. Mereka membawa gagasan dari langit untuk diajarkan kepada manusia, bukannya membawa isme dari bumi untuk menundukkan manusia di bawah pengaruhnya.

Mereka keluar dari negeri mereka semata-mata untuk berjihad pada Jalan Allah, bukan untuk membina sebuah Empayar Arab yang mewah makmur, angkuh dan takbur, bukan untuk mengeluarkan umat Arab dari penjajahan Rom dan Farsi kepada pemerintahan bangsa Arab sendiri, malah mereka keluar untuk mengeluarkan manusia daripada menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah yang Tunggal tepat seperti ucapan Rabi' ibn 'Amir utusan orang Islam di majlis Yazdajrad: "Allah mengutus kami

untuk mengeluarkan umat manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah yang Tunggal, dari kesempitan hidup dunia kepada keluasan hidup Akhirat, dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam."

Ketika inilah sahaja bangsa Arab mempunyai kewujudannya, memiliki kekuatan dan memegang teraju kepimpinan dan semuanya itu adalah untuk Allah dan untuk Jalan Allah. Mereka terus mempunyai kekuatan dan memegang teraju kepimpinan selama mereka berjalan lurus di atas jalan Islam, tetapi apabila mereka menyimpang darinya dan mengingatkan kembali semangat kebangsaan dan perkauman mereka, dan apabila mereka tinggalkan panji-panji Islam untuk mengebarkan panji-panji kebangsaan dan perkauman, mereka dibuang oleh bumi dan dipijak oleh bangsa-bangsa lain, kerana Allah telah meninggalkan mereka setelah mereka tinggal dan lupakan Allah.

Apakah nilai umat Arab tanpa Islam? Apakah fikrah yang dapat disumbangkan oleh bangsa Arab kepada umat manusia apabila mereka tinggalkan fikrah Islam? Apakah nilai satu bangsa yang tidak menyumbangkan sesuatu fikrah kepada umat manusia? Setiap bangsa yang pernah memimpin umat manusia dalam mana-mana tempoh sejarah adalah mendukung suatu fikrah, sedangkan bangsa-bangsa yang tidak mendukung sesuatu fikrah seperti bangsa Tartar yang menyerang negeri Timur dan bangsa Barbarian yang menyerang kerajaan Rom di Barat tidak dapat hidup lama. Mereka telah larut dalam bangsa-bangsa yang ditakluki mereka.

Satu-satunya fikrah yang dapat disumbangkan oleh bangsa Arab kepada umat manusia ialah 'aqidah Islamiyah. 'Aqidah inilah yang pernah mengangkat mereka ke mercu kepimpinan. Andainya mereka tinggalkan 'aqidah ini, maka tiada lagi suatu fungsi dan peranan untuk mereka di bumi ini. Inilah yang patut diingat baik-baik oleh umat Arab jika mereka mahu hidup, mahu memiliki kekuatan dan mahu memegang teraju kepimpinan. Dan hanya Allah sahaja yang dapat memberi Hidayah dari kesesatan.